

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	09/08/2017C

Jangan nafi sejarah, jasa Mahathir kepada negara

Sinar Harian - 9/8/2017 Pg. 16

1 KEBELAKANGAN ini, ramai mempersoalkan asal usul dan keturunan bekas Perdana Menteri Malaysia ke-4, Tun Dr Mahathir Mohamad apabila Naib Presiden Umno, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mendakwa Mahathir berketurunan India dan nama sebenar beliau adalah Mahathir Iskandar Kutty.

Pendedahan pada Mesyuarat Umno Bahagian Kelana Jaya itu mencetuskan persoalan dan menjadi bualan rakyat yang mahu semua pihak kemukakan kebenaran.

Sinar Harian menemui Timbalan Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK), Baharuddin Abd Majid, 71, yang juga bekas Pengetua Kolej Sultan Abdul Harnid (KSAH) 2000-2001 untuk menyingkap sejarah dua

besanak ini.

Beliau berkata, Mahathir antara penyumbang besar dalam pembangunan Kedah dan jasanya kepada negeri Jelapang Padi memang tidak boleh dinafikan.

Katanya, walaupun beliau tidak sealiran dengan politik kerajaan, namun sumbangan sejak zaman mudanya ketika bergelar doktor perubatan hendaklah dihargai.

"Kita perlu melihat aspek po-

sitif, sumbangan seseorang itu, bukan kisah peribadinya. Kita tidak wajar memperlekehkan jasa beliau semata-mata isu politik atau kerana keturunan nenek moyangnya," kata Baharuddin.

Mahathir memperoleh Ijazah Perubatan MBBS pada 1953 dan mula bertugas di Hospital Besar Alor Setar. Pada 1957, Mahathir meletak jawatan dan membuka Maha Klinik



di Jalan Tunku Ibrahim, sebelum berpindah ke Pekan Rabu.

Ketika itu, ada lima klinik di Alor Setar dan Maha Klinik adalah klinik pertama diusahakan doktor Melayu.

2,305,521 BACAAN